

KONSEP GHAD AL-BASAR DALAM PERSPEKTIF AL-QURAN DAN AL-SUNNAH

FITRI MULIANA
ROSNI BINTI WAZIR
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah
Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Pemuda merupakan penerus bagi perkembangan kemajuan peradaban Islam di muka ini, namun ramai pemuda muslim yang belum memahami konsep-konsep yang termaktub di dalam Al-Quran dan al-Sunnah, antaranya adalah konsep ghad al-basar. Konsep ini adalah penting dan perlu diambil berat serta difahami dengan sebaiknya kerana ia mampu mampu mengubati penyakit yang melanda masyarakat kini. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengkaji konsep ghad al-basar yang sebenar menurut perspektif Al- Quran dan Sunnah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan analisis terhadap ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi yang berkaitan. Kajian ini akan menunjukkan bahawa perkataan ghad telah diulang sebanyak 4 kali di dalam Al-Quran Allah, namun perintah ghad al-basar secara jelas terkandung di dalam surah Al-Nur ayat 30 dan 31. Manakala terdapat juga hadis-hadis yang menekankan tentang penjagaan pandangan terutama pada perkara yang haram. Fakta tersebut telah menunjukkan bahawa konsep ghad al-basar ini adalah signifikan dan perlu diambil berat terutama di kalangan pemuda Islam.

Kata kunci : Ghad al-Basar, Al-Quran, Hadis.

1. Pendahuluan

Kajian ini berkaitan dengan konsep *ghad al- basar* menurut perspektif Quran dan Sunnah, disini saya ingin mengkaji lebih lanjut tentang konsep *ghad al- basar* yang ditekankan di dalam Quran dan Sunnah. Pandangan mata merupakan awal bermulanya musibah kepada seorang muslim mahupun muslimah, sehingga kerananya berhujung kepada khalwat, perzinaan, hamil di luar nikah, hingga kepada pembuangan bayi di merata tempat. *Ghad al-basar* mestilah diberi penekanan dan dikaji semula sehingga ini boleh menyumbang dan mengurangi aspek negatif yang timbul dalam masyarakat.

Permasalahan yang dihadapi umat Islam masa kini bersumber dari kealpaan kita dalam mengamalkan keseluruhan hukum Islam yang secara *kaffah* telah digariskan di dalam Al-

Quran dan Sunnah. Baik dari segi akidah, ibadah mahupun akhlak. Kesyumulan Islam menjanjikan kebahagian, kedamaian didunia dan akhirat. Namun sebaliknya berlaku pada pilihan umat Islam saat ini.

Begitu juga dengan *ghad al-basar*, *ghad al-basar* sangat perlu dititik beratkan oleh setiap individu, kerana pandangan mata akan menentukan dimana tempat kita disisi Allah, kemaksiatan berpunca dari pandangan mata yang penuh dengan noda. Mata juga merupakan jendela hati, gerbang kepada sesuatu yang baik dan buruk, oleh sebab itulah Rasulullah SAW menegaskan kepada kita untuk menjaga pandangan, kerana kelak kita akan dimintai pertanggung jawapan atas apa yang telah kita lakukan. (Abdullah Gymnastiar, 2007)

2. Pengertian *Ghad Al-Basar*

Ghad al-basar berasal dari kata غض - يغض , yang bermakna mengurangi, merendahkan, menundukkan, memejam, dan mencegah. Sedangkan gabungan antara غض البصر adalah mencegah melihat sesuatu yang tidak dihalalkan baginya.

Pandangan mata merupakan satu dorongan dan kehendak yang muncul pertama sekali ketika seseorang melihat sesuatu, bila dorongan tersebut merupakan dorongan yang buruk, maka pandangan tersebut akan mengarah kepada syahwat, yang mengundang kebencian di sisi Allah, *ghad al-basar* juga merupakan jalan seorang hamba dalam menjaga kemaluan. (Ibn Qayyim Al-Jauzi, 2012)

Adapun pengertian konsep *ghad al-basar* menurut Al-Maragi adalah perintah atau galakan untuk menahan dan menjaga pandangan dari segala hal yang diharamkan untuk terus dilihat, yang diharamkan untuk dilihat adalah seperti yang membangkitkan hawa nafsu dan syahwat manusia, ianya termasuk gambar bercetak mahupun video. Menjaga pandangan adalah sumber ketenangan batin, yang akan mamuaskan batin kita secara hakiki adalah Allah SWT. Sedangkan usaha dasar bagi seorang muslim adalah menjaga pandangan mata, kerana mata adalah punca segala kemaksiatan berlaku.

Quraisy Shihab memberi penafsiran berkaitan menjaga pandangan, beliau mengatakan bahawa, menjaga pandangan adalah mengalihkan arah pandangan, serta tidak memfokuskan padangan mata dalam waktu yang lama kepada yang yang tidak dibolehkan oleh syarak.

Dr Yusuf Al-Qardawi mengatakan, *ghad al-basar* adalah menahan pandangan daripada perkara-perkara yang mampu menarik perhatian, iaitu perkara yang memberi kesan fitnah, bukan menundukkan penglihatan sepenuhnya.

Ghad al-basar memiliki dua makna iaitu pandangan lahir dan pandangan batin. Pandangan lahir adalah melihat, menenung dan menghayati fizikal yang menarik dan menggairahkan nafsu birahi, adapula pandangan batin adalah syahwat yang timbul dalam hati untuk mengadakan hubungan seksual atau perbuatan lain yang melanggar hukum Allah, setelah melihat bentuk lahir. (Abu Al-Ghfari, 2015).

3. Hukum Ghad Al-Basar

Pada bahagian ini penulis akan menjelaskan secara terperinci terkait hukum *ghad al-basar*, sama ada hukum tersebut diklarisifikasikan kepada hukum haram, mubah dan sebagainya.

3.1 Haram

Dikategorikan kepada hukum haram, sekiranya seseorang memandang *mahram* tanpa adanya keperluan dan tujuan yang munasabah. Memandang lawan jenis dan ianya menimbulkan hawa nafsu dan gejolak didalam diri seseorang juga diharamkan, kerana dengan pandangan sejenis ini akan muncul pelbagai kemaksiatan lainnya, seperti perzinaan, khalwat dan lainnya.

Pandangan mata yang haram akan menimbulkan angan-angan dan khayalan, sehingga selalu memikirkan akan hal tersebut, dengan itu akan mendorong seseorang untuk bertindak lebih jauh, sehingga ia melanggar hukum lainnya yang telah ditetapkan, oleh kerana itu Rasulullah SAW telah bersabda:

كتب على ابن آدم نصيبه من الرنا مدرك ذلك لا محالة فالعينان زناهما النظر والأذنان زناهما الاستماع
واللسان زناه الكلام واليد زناها البطش والرجل زناها الخطأ والقلب يهوى ويتمنى ويصدق ذلك الفرج
ويكذبه

Artinya :

"Dari Abu Hurairah ra dari Rasulullah saw, beliau bersabda, "Sesungguhnya manusia itu telah ditentukan nasib perzinaannya yang tidak mustahil dan pasti akan dijalani. Zina kedua mata adalah melihat, zina kedua telinga adalah mendengar, zina lidah adalah berbicara, zina kedua tangan adalah menyentuh, zina kedua kaki adalah melangkah, dan zina hati adalah berkeinginan, sedangkan semua itu akan ditindaklanjuti atau ditolak oleh kemaluan".

(Sahih Muslim, *Kitab Al-Qadar, Bab Qadar Ala Ibnu Adam Hazzuhu Min Al-Zina Wa Ghairihi*, No Hadith 2657)

Di dalam Al-Quran juga Allah telah menegaskan berkaitan dangan perintah menjaga pandangan mata.

Artinya :

"Katakanlah kepada orang laki-laki yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya dan memelihara kemaluannya; yang demikian itu adalah lebih suci bagi mereka, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa yang mereka perbuat". Katakanlah

kepada wanita yang beriman: "Hendaklah mereka menahan pandangannya, dan memelihara kemaluannya".

(Surah Al- Nur 24: 30-31).

3.2 Mubah

Menurut Al-Zamakhshyari, tidaklah semua pandangan diharamkan, diantaranya pandangan yang tidak disengajakan dan tidak dilakukan secara berulangkali dan tidak ditenung lama. atau tidak ada tujuan hawa nafsu dan maksiat ianya diperbolehkan dan dimaafkan. Berdasarkan hadith dibawah ini. (Yusuf Al-Qaradhawi, 1994)

يَا عَلِيٌّ ، لَا تَتَبَعُ النَّظَرَةَ النَّظَرَةَ إِنَّ لَكَ الْأُولَى وَلَيْسَ لَكَ الْآخِرَةُ

Artinya : "Wahai Ali, jangan kamu ikuti pandangan pertama dengan pandangan berikutnya, karena yang pertama itu boleh (dimaafkan) sedangkan yang berikutnya tidak".
(Jami' Tirmizi, Kitab Adab, Bab Ma Jaa Fi Nazrati Al- Mufajaah, No Hadith 2720)

Islam memperbolehkan memandang wanita pada yang bukan aurat seperti muka dan telapak tangan, dengan syarat tidak diikuti syahwat dan hawa nafsu dan ianya jauh daripada fitnah. Bermakna wanita dan lelaki boleh memandang antara satu sama lain pada yang bukan aurat, jika situasi memerlukan kepada hal tersebut.

Di antara situasi yang diperbolehkan oleh syarak untuk memandang seorang wanita adalah seperti meminang, para ulamak telah bersepakat bahawa, diperbolehkan memandang wanita yang ingin dinikahi. Hikmah dari diperbolehkan memandang ini adalah, supaya tidak timbul penyesalan di kemudian hari, jika calon yang ingin dinikahi adalah tidak sesuai dengan apa yang diharapkan. Dan supaya timbul ketenangan di dalam hati seseorang untuk melanjutkan ke jinjang pernikahan.

Yang kedua adalah bertujuan untuk pengobatan, pada dasarnya seorang wanita hanya diperbolehkan untuk diobati oleh wanita sahaja. Akan tetapi ada perbezaan pendapat di kalangan ulamak, bahawa lelaki boleh mengobati perempuan dan melihat bahagian tubuh yang dirasakan sakit jika itu diperlukan, dan tetap harus dengan batas-batas dan syarat-syarat tertentu.

Antara syarat-syarat tertentu tersebut adalah disyaratkan mendahului dokter wanita atas dokter lelaki jika ada, dokter haruslah seorang yang terpercaya dan tidak ada kecacatan dari segi akhlak dan agamanya, tidak boleh berdua-duan, pengobatan mesti didampingi oleh mahramnya, dan penyakit tersebut adalah penyakit yang tidak lagi sanggup ditahan, dan jika penyakit yang diderita tidak cukup mendesak, maka tidak diperbolehkan.

Antara situasi yang ketiga yang diperbolehkan adalah memandang wanita bagi hakim atau saksi. Kondisi yang seperti ini adalah suatu kondisi yang diperbolehkan, kerana ianya dianggap darurat (Abu Malik Kamal ibn Sayyid Salim, 2013).

3.3 Pandangan Wanita Kepada Lelaki Yang bukan Mahramnya

Pandangan wanita kepada lelaki bukan mahramnya, dan dilakukan dengan syahwat, maka ia adalah haram, berdasarkan kepada kesepakatan daripada ulamak. Namun jika memandang tanpa adanya unsur syahwat dan hawa nafsu, ianya terdapat dua hal yang mesti diperhatikan.

Pendapat yang pertama yang kuat mengatakan bahawa, seorang wanita boleh melihat selain dari apa-apa yang terdapat di antara pusar hingga lutut, selama ianya selamat daripada fitnah.

Adapun pandangan wanita kepada lelaki yang kedua, dengan syarat tidak dilakukannya dengan perasaan syahwat dan hawa nafsu, kemudian selamat dari pelbagai macam fitnah, dan ada keperluan yang munasabah untuk itu.

4. Ghad Al-Basar Dalam Perspektif Al-Quran

Perkataan *ghad* terulang sebanyak 4 kali di dalam Al-Quran, namun tidak semua perkataan tersebut berkaitan dengan menjaga pandangan. Adapun kata-kata yang memiliki makna yang sama dengan *ghad al-basar* adalah seperti: *al-Tarf* terulang dalam Al-Quran sebanyak 11 kali, *habasah* terulang dalam Al-Quran sebanyak 2 kali, *khada'a* terulang dalam al-Qur'an juga hanya 2 kali (Akbar HS, 2016)

4.1 Perkataan *ghad* di dalam Al-Quran.

Sebanyak 4 kali di dalam Al-Quran Allah menyebutkan pengulangan bagi kata *ghad*, antaranya dua kali di dalam Surah Al-Nur/24, iaitu pada ayat yang ke 30 dan pada ayat yang ke 31. Kedua-duanya dalam bentuk *af'alul khamsah*. Kemudian pada ayat yang ke 3 di dalam surah Al-Hujurat/49, ianya pula berbentuk jamak *muzakkar salim*. Dan berbentuk *fi'il amar* di dalam Surah Lukman/31 pada ayat 19. (Muhammad Fuad Abdul Baqi, 1364).

Ghad yang terdapat pada surah Al-Hujurat/49 ayat ketiga bermaksud merendahkan suara dihadapan Rasulullah, bukan bermaksud menjaga pandangan. Kemudian pada surah lukman/31 pada ayat yang ke 19 berkaitan dengan suara seperti yang terkandung di dalam surah Al-Hujurat. Meskipun perintah atau tafsir dari surah ini berbeza dengan surah Al-Hujurat, namun keduanya tidak berkaitan dengan kajian ini. Iaitu menjaga pandangan.

Adapun *ghad* yang terdapat pada surah Al-Nur/24 ayat 30-31 bermaksud menahan pandangan mata secara jelas, yang bermaksud:

قُل لِّلْمُؤْمِنِينَ يَغْضُبُوا مِنْ أَبْصَرِهِمْ وَخَفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَلِكَ أَزْكَى لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَيْرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ ﴿٣٠﴾ وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُبْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَخَفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ

Artinya:

“Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang-orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Amat Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang mereka kerjakan. Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka”.

(QS Al-Nur/24:30-31)

Ayat ini mengandung perintah menjaga pandangan bagi lelaki dan perempuan. Pada ayat yang ke 30 perintah menjaga pandangan ditujukan kepada lelaki, dan pada ayat yang ke 31 ditujukan kepada perempuan. yang bermaksud dengan صُغَيْرًا مَّا نَصْبَهُمْ berdasarkan penafsiran ibnu katsir adalah kewajipan bagi setiap muslim baik ianya lelaki maupun perempuan, untuk menjaga pandangan matanya dari apa yang diharamkan baginya, jika pandangan tersebut adalah pandangan yang tidak disengaja, maka perlulah untuk terus mengalihkan pandangannya.

Adapun penafsiran dari Ar-Razi, ان مُأْرِصُهُمْ ignarugnem nad isatabmem halada وُضْعِيَةٍ pandangan dari melihat sesuatu, dan jangan melepaskan atau membiarkan pandangan mata melihat sesuatu yang diharamkan oleh Allah.

4.2 Perkataan al-Tarf di dalam Al-Quran

Kata Al-Tarf menunjukkan 2 makna, makna yang pertama menunjukkan batasan sesuatu, kedua adalah gerakan pada sebahagian anggota tubuh. Kata ini terulang dalam Al-Quran sebanyak 11 kali. Iaitu dalam surah Al-Saffat/37:48 yang berbunyi

وَعِنْدَهُمْ قَصْرَتُ الْطَّرْقِ عَيْنٌ

Artinya:

“Sedang di sisi mereka ada pula bidadari-bidadari yang tidak menumpukan pandangannya melainkan kepada mereka, lagi yang amat indah luas matanya”.

(QS Al-Saffat/37:48)

Kemudian Surah Sad/38:52, surah Al-Syu'ara/42:45, surah Al-Rahman/55:56, surah Al-Naml/27:40, surah Ibrahim/14:43, surah Ali-Imram/3:127, surah Hud/11:114, surah Taha/20:130, surah al-Ra'd/13:41 dan surah Al-Anbiya/21:44. Keseluruhannya berisi tentang kata al-Tarf yang berkaitan dengan menjaga pandangan.

4.3 Perkataan habasah di dalam Al-Quran

Habasah memiliki arti mencegah atau merintangi (Akbar HS, 2016). Kata ini terulang sebanyak 2 kali dalam Al-Quran. Iaitu terdapat pada surah Al-Maidah/5:106, dan surah Hud/11:8. Yang berbunyi:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا شَهَدَةُ بَيْنِكُمْ إِذَا حَضَرَ أَحَدُكُمُ الْمَوْتُ حِينَ الْوَصِيَّةِ أَثْنَانِ ذَوَا عَدْلٍ
مِنْكُمْ أَوْءَ اخْرَانِ مِنْ غَيْرِكُمْ إِنْ أَنْتُمْ ضَرَبْتُمْ فَأَصَبَّتُكُمْ مُصِيبَةُ الْمَوْتِ تَحْبُسُونَهُمَا
مِنْ بَعْدِ الصَّلَاةِ فَيُقْسِمَانِ بِاللَّهِ إِنْ أَرْتَبْتُمْ لَا نَشْرِى بِهِ ثَمَنًا وَلَوْ كَانَ ذَا قُرْبَىٰ وَلَا نَكْتُمُ
شَهَدَةَ اللَّهِ إِنَّا إِذَا لَمْنَ الْأَئْمِينَ

Artinya:

Wahai orang-orang yang beriman! Apabila salah seorang di antara kamu hampir mati, ketika (dia mahu) berwasiat, hendaklah wasiatnya itu disaksikan oleh dua orang yang adil di antara kamu atau dua orang lain (yang bukan seagama) dengan kamu, jika kamu dalam pelayaran di muka bumi lalu kamu ditimpak bencana sakit yang membawa maut. Kalau kamu ragu-ragu tentang kejujuran kedua saksi itu, (hendaklah) kamu tahan mereka sesudah selesai sembahyang, kemudian mereka (disuruh) bersumpah dengan nama Allah (dengan berkata: Demi Allah) kami tidak akan menjual sumpah kami untuk mendapat sesuatu harta benda, walaupun orang itu dari kaum kerabat dan kami tidak menyembunyikan (keterangan yang kami ketahui) sebagai saksi (sebagaimana yang diperintahkan oleh) Allah, (kerana jika kami menyembunyikannya) tentulah kami dengan itu termasuk dalam golongan orang-orang yang berdosa. (Al-Maidah/5:106).

وَلِئِنْ أَحَرَّنَا عَنْهُمُ الْعَذَابَ إِلَىٰ أُمَّةٍ مَعْدُودَةٍ لَيَقُولُنَّ مَا تَحْبِسُهُو أَلَا يَوْمَ يَأْتِيهِمْ لَيْسَ
مَصْرُوفًا عَنْهُمْ وَحَاقَ بِهِمْ مَا كَانُوا بِهِ يَسْتَهِزُؤُونَ

Artinya

“Dan demi sesungguhnya! Jika kami tangguhan azab daripada menimpa mereka hingga ke suatu masa yang tertentu, tentulah mereka akan berkata (secara mengejek): Apakah yang menghalangnya? Ketahuilah! Pada hari datangnya azab itu kepada mereka, tidak akan dapat ditolak daripada menimpa mereka dan tentulah mereka akan diliputi oleh azab yang mereka telah ejek-ejek itu”.

(QS Hud/11:8)

4.4 Perkataan *khada'a* di dalam Al-Quran

Kata khada'a terulang sebanyak 2 kali dalam Al-Quran, kata ini bermakna tunduk dan merendahkan diri. Terkandung di dalam surah Al-Ahzab/33:32 dan surah Al-Syu'ara/26:4. Yang berbunyi:

إِنِّي نَسَاءُ النَّبِيِّ لَسْتُنَ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنْ أَتَقِيتُنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعُ الَّذِي فِي
قَلْبِهِ مَرَضٌ وَقُلْنَ قَوْلًا مَعْرُوفًا

Artinya:

“Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain jika kamu tetap bertakwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepada kamu) dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan)”. (QS Al-Ahzab/33:32)

إِنْ نَشَاءُ نُنْزِلُ عَلَيْهِمْ مِّنَ السَّمَاءِ إِيمَانَهُمْ فَظَلَّتْ أَعْنَاقُهُمْ هَا خَاضِعِينَ

Artinya:

“Jika Kami mahu, tentulah Kami akan turunkan kepada mereka satu mukjizat dari langit, yang menjadikan mereka tunduk kepadanya”.

(QS Al-Syu'ara/26:4)

5. Ghad Al-Basar Dalam Al-Sunnah

Banyak disebutkan dalam hadith Rasulullah SAW terkait dengan menjaga pandangan mata, baik penegasan itu secara langsung dari Rasulullah, berupa perkataan beliau mahupun tingkah laku beliau, secara ringkas disebutkan dalam Al-Quran tentang *ghad al-basar*, kemudian hadis Rasulullah SAW menjadi sumber yang akan menjelaskan lebih terperinci tentang *ghad al-basar* ini. Antaranya seperti hadis-hadis dibawah ini:

سَأَلَتْ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ نَظَرِ الْفُجَاهَةِ فَأَمَرَنِي أَنْ أَصْرِفَ بَصَرِي

Artinya:

“Aku bertanya kepada Rasulullah shallallaahu 'alaihi wasallam dari pandangan tiba-tiba (tidak sengaja). Maka beliau memerintahkanku untuk memalingkan pandanganku”.

(Sahih Muslim, *Kitab Adab, Bab Nazara Al-Fujaah*, No Hadith 2159

Maksud fujaah adalah, melihat yang bukan mahram tanpa sengaja dan keinginan, dan tiada dosa baginya pada pandangan yang pertama, wajib memindahkan pandangannya, ulamak berkata dalam situasi ini, tidak diwajibkan bagi perempuan untuk menutup mukanya ketika dalam perjalanan, akan tetapi itu sunah yang di suka bagi wanita, dan wajib bagi lelaki untuk menahan pandangannya, pada apapun situasi, namun dikecualikan pada situasi tertentu yang dibolehkan dalam syarak.(al-Nawawi, 1996).

Hadis berikut ini juga mengandung arti yang sama dengan hadis diatas, yang berbunyi:

أي لع ، لا عبته قرظنا نإف كـا لـوا تـسيـلو كـل قـرـخـلاـ

Artinya:

“Wahai ‘Ali, janganlah kamu mengikutkan pandangan dengan pandangan. Sesungguhnya bagimu hanyalah pandangan yang pertama, dan bukan yang setelahnya”.
(Jami’ Tirmizi, *Kitab Adab, Bab Ma Jaa Fi Nazratil Al-Mufajaah*, No Hadith 2720)

Hadis dibawah ini juga diriwayatkan oleh Imam Bukhari, dengan lafaz sahih muslim. Kandungan hadis ini menceritakan bahawa zina tidak hanya terbatas pada kemaluan. Akan tetapi, pandangan, pembicaraan, dan pendengaran juga disebut zina, sebab dengan semua itu dapat mengundang kepada zina yang sebenar, oleh kerana itu Rasulullah juga bersabda: “yang membenarkan atau mendustakannya adalah kemaluan” (Syaikh Salim bin Ied Al-Hilali, 2005).

كتب على ابن آدم نصيبيه من الزنا ، مدرك ذلك لا محالة ، فالعينان زناهما النظر ، والأذنان زناهما الاستماع ، واللسان زناه الكلام ، واليد زناها البطش ، والرجل زناها الخطأ ، والقلب يهوى ويتنمى ويصدق ذلك الفرج ويكتبه.

Artinya:

“Telah dituliskan atas Bani Adam bagian dari zina yang pasti ia melakukannya, tidak bisa tidak. Maka, zina kedua mata adalah melihat (yang diharamkan), zina kedua telinga adalah mendengar (yang diharamkan), zina lisan adalah berkata-kata (yang diharamkan), zina tangan adalah memegang (yang diharamkan), zina kaki adalah melangkah (ke tempat yang diharamkan), hati berkeinginan dan berangan-angan, dan kemaluan membenarkan itu semua atau mendustakannya”

(Sahih Muslim, *Kitab Al-Qadar, Bab Qudira Ala Ibnu Adam Hazzuhu Min Al-Zina*, No Hadith 48)

اكفلوا لي ستا أكفل لكم بالجنة : إذا حدث أحدكم فلا يكذب ، وإذا ائتمن فلا يخن ، وإذا وعد فلا يخلف ،
غضوا أبصاركم ، وكفوا أيديكم ، واحفظوا فروجكم ”

Artinya:

“Berilah jaminan padaku enam perkara, maka aku jamin bagi kalian surga. Jika salah seorang kalian berkata maka janganlah berdusta, dan jika diberi amanah janganlah berkhianat, dan jika dia berjanji janganlah menyelisihinya, dan tundukkanlah pandangan kalian, cegahlah tangantangan kalian (dari menyakiti orang lain), dan jagalah kemaluan kalian.”

(Hadith Abi Al-Hasan Bin Al-Ali, *Bab Ukfulu Li Sita Ukfulu Lakum Bil Jannah*, No Hadith: 28)

Hadis ini merupakan hadis *marfu'*

إِذَا أَبِيْتَ إِلَى الْمَجْلِسِ فَأَعْطُوْهُ الطَّرِيقَ حَقَّهُ قَالُوا وَمَا حَقُّهُ قَالَ غَضْبُ الْبَصَرِ وَكَفُّ الْأَذى وَرَدُّ السَّلَامِ وَالْأَمْرِ
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهْيُ عَنِ الْمُنْكَرِ

Artinya:

Maksudnya: “Jika kamu berjumpa selain daripada majlis, maka berilah jalan haknya,” maka para Sahabat bertanya, “Apakah haknya,” Nabi SAW menjawab, “Tundukkan pandangan, hilangkan kesakitan, jawab salam, menyeru kepada perkara yang makruf dan mencegah kemungkaran.”

(Sahih Muslim, *Kitab Islam, Man Haqqa Julus Ala Al-Tariq Raddu Al-Salam*, No Hadith:2121)

Kandungan hadis ini berkaitan dengan menjaga pandangan, adalah makruh duduk-duduk di jalan, kecuali dengan memberikan hak jalan tersebut, iaitu menahan pandangan, menjawab dan menyebarkan salam, tidak mengganggu orang lain, dan amar makruf nahi mungkar.” (Syaikh Salim bin Ied Al-Hilali, 2005).

6. Kesan Positif *Ghad Al-Basar*

Menjaga pandangan adalah perintah Allah kepada hambanya, baik ianya lelaki maupun perempuan, semua yang telah Allah dan Rasulullah S.AW perintahkan kepada manusia, ianya memiliki pelbagai macam kelebihan dan mencegah dari pelbagai kemudharatan kepada manusia. Antara manfaat menjaga pandangan yang pertama adalah, membersihkan dan menjernihkan hati manusia dari pelbagai penyesalan, Pandangan mata dapat menusuk ke dalam hati, seperti layaknya anak panah, jika ia tidak membunuh orang yang tertusuk, maka setidaknya orang tersebut pasti akan memiliki kesan luka. Dengan menjaga pandangan dapat membuat hari-hari manusia menjadi lebih bercahaya, ianya akan terlihat dari wajah, mata dan seluruh anggota tubuhnya. Cahaya dan ketenangan hati tersebut tidak akan didapatkan oleh seseorang kecuali daripada pemberian Allah kepadanya (Ibnul Qayyim al-Jauziyyah, 2011). Seperti yang terkandung di dalam ayat Al-Quran dibawah ini

الله نور السماوات والأرض

Artinya :

“Allah pemberi cahaya kepada langit dan bumi”.

(QS Al-Nur 25:35)

Manfaat yang kedua adalah melahirkan keteguhan, keberanian, dan kekuatan. Allah mengirimkan untuk seseorang yang menjaga hawa nafsunya itu kemenangan, kekuatan, ketaatan, dan ia akan terlindungi dari pelbagai macam gangguan syaitan. Sebaliknya yang berlaku kepada individu yang tidak menjaga hawa nafsu, kehinaan dan kerendahan akan terus menimpa ke atas dirinya, seperti yang si sampaikan oleh Al-Hasan, “ meskipun keledai dan kuda membawa mereka dengan cepat dan gesit, jika kehinaan maksiat masih berada di pundak mereka, maka Allah akan tetap menghinakan mereka orang-orang yang melakukan maksiat” (Ibnu Qayyim Al-Jauziyyah, 2004).

Manfaat yang ketiga dari menjaga pandangan adalah, ianya akan mengasah ketajaman firasat. Kerana firasar merupakan bahagian dari cahaya dan sekaligus buah darinya. Jika hati kita bercahaya maka firasat akan menajam, kerana ia bagaikan cermin yang mengkilap, semua akan tampak di atas permukaannya.

Adapun manfaat yang keempat adalah, dengan menjaga pandangan akan membuka jalan-jalan dan pelbagai pintu ilmu pengetahuan, serta akan mudah dalam menyerap ilmu pengetahuan tersebut. Kerana jikamana seseorang menjaga pandangan matanya, hati orang tersebut akan bercahaya bersih dan terang, adapula ilmu Allah merupakan cahaya dan kebenaran, maka cahaya dan kebenaran akan mudah berjumpa, hingga cahaya ilmu akan mudah ia serap. Begitu pula sebaliknya, jika hati seseorang kotor maka ilmu akan sukar untuk ia perolehi.

Menjaga pandangan akan dapat menutup salah satu pintu neraka. Kerana pada dasarnya pandangan mata adalah jalan yang akan mendorong pelakunya kepada perbuatan yang haram, jikamana seseorang memandang sesuatu dan timbul kehendak syahwat di dalam dirinya, kemudian ia gerakkan fizikalnya untuk mencapai kearah syahwat tersebut, maka murka Allah akan menimpa ke atasnya, dan ia akan lupa cita-cita dasar ia berada di dunia dan diciptakan.

Hati akan lebih bersih daripada godaan birahi dan kelalaian, dengan menjaga pandangan. Pandangan mata laksana minuman keras, sementara cinta adalah unsur memabukkan yang terkandung di dalamnya. Mabuk kerana minuman keras adalah lebih ringan dibandingkan mabuk kerana cinta, seseorang akan sedar dan siuman jika mabuk dengan minuman keras, berbeza halnya jika seseorang mabuk kerana cinta, ia tak akan kunjung pulih kesedarannya melainkan ianya sekarat (Ibnul Qayyim al-Jauziyyah, 2011).

Pada dasarnya terdapat banyak lagi manfaat menjaga pandangan kepada manusia, bukan terbatas apa yang telah disebutkan disini sahaja, antaranya dengan menjaga pandangan, seseorang akan memperoleh mahabbatullah, mendapat kenikmatan dalam ibadah, dan mudah dalam mencapai tujuan hidup.

7. Kesan Negatif Tidak Menjaga Pandangan

Menjaga pandangan daripada yang diharamkan keatasnya adalah suatu perbuatan yang bernilai ibadah, kerana tuntutan ini telah termaktub didalam Surah Al-Nur ayat 30-31, begitu juga

sebaliknya, sekiranya seseorang hamba tidak menjaga pandangannya, dan membiarkan ianya liar, sehingga ia melakukan kemaksiatan-kemaksiatan lainnya, maka itu bernilai maksiat.

Antara kesan negatif daripada melakukan maksiat adalah, seseorang akan terbiasa dengan maksiat dan terus mengulangi maksiat-maksiat lainnya yang lebih besar, mendapat kehinaan disisi Allah dan manusia, ianya akan merusak akal dan menutupi kalbu, mendatangkan lakanat Rasulullah S.A.W dan lakanat Allah S.W.T.

Kemudian maksiat akan menimbulkan kerusakan di atas permukaan bumi, menghapus rasa malu, tidak mengagungkan Allah, melenyapkan kenikmatan ibadah, ianya juga membutakan matahati dan jiwa, dan terdapat banyak akibat lainnya yang akan menimpak pelaku maksiat (Abdul Aziz Al-Ghazuli, 2003).

Antara kesan negatif yang disampaikan oleh Ibnu Qayyim Al-Jauzi adalah tidak menjaga pandangan akan terancam jatuh kepada zina, beliau mengatakan bahawa, pandangan mata yang haram akan melahirkan lintasan fikiran yang haram, kemudian akan melahirkan nafsu dan kehendak, sehingga kehendak menguat dan akan diwujudkan dengan perbuatan yang haram seperti zina (Ibnul Qayyim al-Jauziyyah, 2011).

Pada dasarnya mata dan kehendak hati adalah dasar seseorang terjatuh kedalam lubang kemaksiatan dan kezaliman, namun adakalanya jika seseorang yang memiliki hati yang bersih mampu mengalahkan pelbagai ujian dan cabaran yang datang melalui mata. Seperti keteguhan hati Nabi Yusu as ketika Zulaikha menggoda beliau dengan syahwat dan perzinaan, namun kemurnian dan kesucian hati beliau telah mengalahkan pujuk rayu tersebut, sehingga beliau lebih rela dipenjara dibandingkan mengikuti hawa nafsu.

8. Kesimpulan

Pandangan mata merupakan satu dorongan dan kehendak yang muncul pertama sekali ketika seseorang melihat sesuatu, bila dorongan tersebut merupakan dorongan yang buruk, maka pandangan tersebut akan mengarah kepada syahwat, yang mengundang kebencian di sisi Allah, ghad al-basar juga merupakan jalan seorang hamba dalam menjaga kemaluan.

Pandangan mata yang haram, yang dengannya muncul pelbagai kesan negative seperti syahwat dan hawa nafsu adalah diharamkan di dalam Islam, namun terdapat situasi tertentu yang membolehkan seorang muslim memandang kepada *mahramnya*, seperti menjadi seseorang tersebut menjadi saksi, dalam proses perubatan, pembelajaran, dan lainnya, begitu juga hukumnya dengan seorang wanita yang memandang lelaki.

Perkataan ghad terulang sebanyak 4 kali di dalam Al-Quran, namun tidak semua perkataan tersebut berkaitan dengan menjaga pandangan. Adapun kata-kata yang memiliki makna yang sama dengan ghad al-basar adalah seperti: al-Tarf terulang dalam Al-Quran sebanyak 11 kali, habasah terulang dalam Al-Quran sebanyak 2 kali, khada'a terulang dalam al-Qur'an juga hanya 2 kali.

Dalam hadis Rasulullah SAW terdapat banyak perbincangan tentang menjaga pandangan, Rasulullah menjelaskan tentang pandangan yang tidak disengaja dan hukumnya, larangan tentang tidak menjaga pandangan dan kelebihan menjaga pandangan.